مسلمين
MUSLIMIN

Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Tahun 27 Bilangan 1 • Rabiulawal - Rabiulakhir 1436H / Januari 2015M

DOA MEMOHON PERTOLONGAN KETIKA MENGHADAPI MUSUH

رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Ya Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa (kecil) kami dan perbuatan-perbuatan kami yang berlebih-lebihan (dosa-dosa besar) dalam urusan kami, tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mencapai kemenangan ke atas kaum yang kafir."

(Surah A-li 'Imraan: 147)

رسول الله صلى الله عليه وسلم فمباوا رحمة سلوروه عالم

اوليه: حاج سايني حاج متوسين

كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقيه معز الدين والدوله ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يڠ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام كتيك برتيته سمفنا سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم باكي تاهون 1436 هجريه / 2015 مسيحي.

بندر سري بكاون –
كباوه دولي يڠمها مليا
فادك سري بكندا
سلطان حاج حسن
البلقيه معز الدين
والدوله ابن المرحوم
سلطان حاج عمر علي
سيف الدين سعد
الخير والدين، سلطان
دان يڠ دفرتوان نكارا
بروني دارالسلام برتيته
ملاهيركن راس شكور
كحضرة الله سبحانه
وتعالى كران نكارا
دافت برسام٢ ميمبوت
مولد الرسول، سيدنا
محمد صلى الله
عليه وسلم يڠ سوده
تنتو اكن ممباوا كهد
كبركتن كهد كيت دان
نكارا . منوروت بكندا،
ميمبوت مولد الرسول
مروفاكن ترادسي يڠ
تروس منروس بركمبڠ

(Bersambung ke muka surat 19)

PERCUMA

مليان ديريمو يا رسول الله

دمي سسوڠڬوهڽ تله داتڠ كڬد كامو سڎورڠ رسول (نبي محمد صلى الله عليه وسلم) درفد كولوڠن كامو سنديري، يڠ ساڠت مڠمبيل برت ترهادف كسوسهن يڠ كامو تڠڬوڠ، يڠ مڠايڠينكن كباءيكن كڬد كامو، ساڠت بلس كاسيهن لاڬي ڤڠاسيه ترهادف اورڠ٢ براينان.

(سورة التوبة : 128)

الحمدلله، دنكارا بروني دارالسلام افيل حاضيرڽ ربيع الأول مك اكن بركومندڠله ديكير دان بچأن صلوات دسلوروه مسجد سلاما 12 هاري باڬي ممجي٢ دان ممبسركن كمليأن رسول الله صلى الله عليه وسلم. منچيننا٬ءي نبي محمد صلى الله عليه وسلم اداله انتارا عباده يڠ دجنجيكن دڠن كڠجرن يڠ بسر درفد الله سبحانه وتعالى، دانتاراڽ اياله اكن دافت بركومفول برسام نبي محمد صلى الله عليه وسلم فد هاري قيامة دان جوڬ مندافت كڠجرن شرك سباڬيمان فرمان الله سبحانه وتعالى يڠ تفسيرڽ:

دان سسياف يڠ طاعة كڬد الله دان رسول الله، مك مريك اكن (دتڤتكن دشرك) برسام٢ اورڠ٢ يڠ الله تله كورنياكن نعمة كڬد مريك، يأيت نبي٢، اورڠ٢ صديقين، اورڠ٢ يڠ ماتي شهيد سرت اورڠ٢ صالح. دان مريك ايتله تمن يڠ سباءيك-باءيكڽ.

(سورة النساء : 69)

كيت سلاكو أومت نبي محمد صلى الله عليه وسلم هندقله ممبوقتيكن دان منظاهيركن راس چيننا كڬد رسول الله، دانتاراڽ اياله دڠن :

- منطاعتي سكلا سوروهن دان منيڠڬلكن سكلا لارڠن رسول الله صلى الله عليه وسلم سرت برفكڠ تكوه كڬد اجرن القرءان دان سنة بكڬدا .

الله سبحانه وتعالى ممرينتهكن كڬد أومت مأنسي اتوق منطاعتي سوروهن دان منيڠڬلكن لارڠن رسولڽ سباڬيمان دسبوتكن دالم سورة الحشر أية 7 تفسيرڽ:

دان اف جوا سوروهن يڠ ديريكن اوليه رسول الله كڬد كامو مك ترنماله (عملكله) دان اف جوا يڠ كامو دلارڠ ملاكوكنڽ مك تيڠڬلكله . دان برتقواله كڬد الله، سسوڠڬوهڽ الله ساڠت برت سيقساڽ.

- منلادني أخلاق رسول الله صلى الله عليه وسلم سباڬي أسوة حسنة، يأيت چوتتوه تولادن يڠ باءيك اتوق دايكوتي اوليه أومتڽ.
- ممباچ صلوات دان سلام كاتس رسول الله صلى الله عليه وسلم. سڎورڠ يڠ مڠاكو منچيننا٬ءي رسول الله، ليدهڽ اكن سلالو برصلوات دان هاتيڽ اكن سنتياس مڠايڠاتي بكڬدا .
- مڠنالي رسول الله ملاوءي سيره، يأيت رواية هيدوف نبي محمد صلى الله عليه وسلم. دڠن چارا اين، كيت اكن دافت مڠنالي بكڬدا اتوق دجاديكن چوتتوه ايكوتن دالم كهيدوفن كيت سهاريڽ.

أخيرڽ، ماريله كيت محاسبه ديري دڠن برعزم اتوق مڠهيدوفكن سنة رسول الله سباڬي تندا منچيننا٬ءي بكڬدا . سموڬ دڠن دمكين كيت اكن ترماسوق اومت رسول الله صلى الله عليه وسلم يڠ اكن مندافت شفاعة رسول الله دهاري أخيرة كلق دان دماسوفكنڽ كدالم شرك برسام بكڬدا .

Anggota Redaksi

Ketua
Dayang Hajah Saidah binti DDW Haji Tamit
(Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan)

Penolong Ketua
Dayang Hajah Suriyati binti Haji Ahmed
(Ketua Unit Penerbitan)

Editor Penyelaras
Awang Haji Saini bin Haji Metussin

Kumpulan Tenaga Kerja
Dayang Qairunnisa binti Haji Jalil
Dayang Ratna Wati binti Abdul Karim
Awang Mohammad Zelihan bin Ahad
Dayang Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Dayang Azizah binti Hidup
Awang Dahlan bin Chuchu
Dayang Suriati binti Haji Ali Hussin
Dayang Zunnur Amni binti Awang Damit
Dayang Nor Zuriana binti Haji Azman/Malai.

Pengerusi Pengedaran
Dayang Hajah Middeni binti Haji Lamit
(Ketua Unit Pembahagian dan Pemasaran)

Juru Gambar
Juru gambar Pusat Da'wah Islamiah Ihsan Jabatan Penerangan

كباوه دولي يڠمها مليا بركنن مڠفالأي فرارقن مولود نبي محمد صلى عليه وسلم

اوليه: حاج سايڽي حاج متوسين

فرارقن مڠليليڠي سبهاڬين بندر سري بڬاون ددهولوڽي اوليه كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقيه معز الدين والدوله، سلطان دان يڠ دفرتوان نڬارا بروني دارالسلام برسرت قرابة دراج.

بندر سري بڬاون – كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقيه معز الدين والدوله ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يڠ دفرتوان نڬارا بروني دارالسلام بركنن براڠكت كمجليس سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نڬارا باڬي تاهون 1436 هجره برتمفت دتامن حاج سر مودا عمر علي سيف الدين فد 12 ربيع الأول 1436 برسمأن 3 جنواري 2015.

كبراڠكتن كباوه دولي يڠمها مليا دجونجوڠ اوليه منتري حال إحوال أڬام، يڠبرحرمت ڤڠيران داتو سري ستيا دكتور حاج محمد بن ڤڠيران حاج عبدالرحمن، سلاكو ڤڠروسي جواتنكواس ترتيڠكي سمبوتن هاري٢ كبسران إسلام تاهون 1436 هجره سرت أهلي٢ جواتنكواس ترتيڠكي يڠ لأين.

براڠكت سام دولي يڠترأمت مليا فادك سري ڤڠيران مودا مهكوتا ڤڠيران مودا حاج المهتدى بالله، دولي يڠترأمت مليا فادك سري ڤڠيران بنداهارا سري مهاراج فرمايسوارا ڤڠيران مودا حاج صفري بلقيه دان يڠترأمت مليا فادك سري دولي ڤڠيران مودا عبدالمالك برسرت قرابة دراج يڠ لأين.

مجليس دمولاكن دڠن بجأن سورة الفاتحه برامي٢ دكتوأي اوليه مفتي كراجأن، يڠبرحرمة فيهين داتو سري مهاراج داتوء فادك سري ستيا (دكتور) أستاذ حاج اواڠ عبدالعزيز بن جونبد.

اتورچارا مجليس دتروسكن دڠن سمبه الو–الوان اوليه منتري حال إحوال أڬام، يڠبرحرمت ڤڠيران داتو سري ستيا دكتور

حاج محمد بن فقيران حاج عبدالرحمن.

سلفس ايت، كباوه دولي يڠمها مليا بركتن براڠكت منريما جونجوڠ زياره دري كتوا٢ فاسوقن يڠ مڠمبيل بهاڬين.

كباوه دولي يڠمها مليا سماس دسمبه كلكن كڠد فاسوقن-فاسوقن يڠ ميرتاءي فرهيمفونن دان فرارقن ترسبوت.

اچارا دتروسكن دڠن فرسمبهن ديكير مرحاباً دباواكن اوليه فاسوقن ديكير كمنترين فرتاهنن، دايكوتي تيمبقن مريام سباڤق 21 دس سبأيك سهاج سمفاي كڠد 'ياحبيبي'.

فرسمبهن ديكير مرحابا اوليه فاسوقن ديكير كمنترين فرتاهنن.

باڬي موهون كبركتن دان شفاعة، دعاء سلامت دباچكن اوليه مفتي كراجأن. سبلوم فرارقن برمولا، بچأن صلوات سباڤق تيك كالي دكتواي اوليه يڠبرحرمت فيهين داتو إمام داتوء فادك سري ستيا أستاذ حاج اواڠ عبدالحميد بن باكل.

فرارقن مڠليليڠي سبهاڬين بندر سري بكاون ددهولؤي اوليه كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يڠ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام دايكوتي اوليه قرابة دراج دان فمبسر٢ نكارا سرتا فاسوقن٢ يڠ مڠمبيل بهاڬين.

فد تاهون اين سباڤق 132 فاسوقن ترديري درفد فاسوقن براونيفورم، كمنترين٢ دان جباتن٢ كراجأن، مجليس فروندين مقيم دان



سبهاڬين درفد فاسوقن يڠ ميرتاءي فرارقن

كامفوڠ، اينستيتوسي٢ ڤڠاجين تيڠكي، سكوله٢ فرساتوان٢ دان شريكت٢ سواستا ميرتأي فرارقن ترسبوت.

تيما سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نكارا باڬي تاهون 1436 هجره اياله 'منچينتاءي رسول صلى الله عليه وسلم'.

فرهيمفونن دان فرارقن سرت فرباريسن تله دفرتنديڠكن دان اي ديهاڬيكن كڠد ليم كاتيكوري يأيت كاتيكوري سكوله رنده/ أڬام/ فرسديأن عرب/ سواستا، كاتيكوري سكوله منڠه/ عرب / اينستيتوسي ڤڠاجين تيڠكي/ مكتب/ سواستا، كاتيكوري كمنترين دان جباتن٢ كراجأن، كاتيكوري مقيم/ كامفوڠ/ مجليس فروندين مقيم/ مجليس فروندين كامفوڠ/ أهلي جواتنكواس تعمير مسجد دان كاتيكوري فرساتوان ٢ دان سيكتور سواستا.

سمنتارا ايت سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم دأداكن سچارا سرنتق دكامفت دأيره يايت ددأيره بلايت دأداكن دفادڠ بندرن كوالا بلأيت، دأيره توتوڠ دأداكن دفادڠ سكوله رنده مودا هاشيم توتوڠ دان ددأيره تمبوروڠ فولا دأداكن دفادڠ كومفليكس ديوان كمشاركتن تمبوروڠ.

SEKOLAH ARAB RIMBA DIJANGKA SIAP PADA JUN 2016

Oleh :Azizah Hidup

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Rimba.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Januari – Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat merasmikan Majlis Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Rimba yang terletak di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Rimba.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik di Tapak Projek Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Rimba dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin. Acara dikuti dengan sembah ucapan alu-aluan daripada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan persembahan klip video mengenai pembinaan yang memaparkan reka bentuk bangunan yang disesuaikan mengikut konsep keislaman dan prasarana sekolah berkenaan. Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat menyempurnakan Peletakan Batu Asas Sekolah Rimba.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin. Sebelum berangkat balik, Yang Teramat Mulia, dijunjung menandatangani Plak Peletakan Batu asas Sekolah Arab Rimba dan seterusnya dijunjung untuk meyaksikan pameran.

Pembinaan sekolah Arab ini melambangkan mercu tanda kegemilangan perkembangan sekolah Arab di Brunei Darussalam iaitu sekolah yang akan melahirkan bakal ulama dan cendekiawan Islam yang berilmu bagi mencapai Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 serta mengukuhkan lagi gagasan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Sekolah Arab ini merupakan antara projek besar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kos Pembinaan sekolah Arab ini dianggarkan berjumlah BND48,145,113.08 dan dijangka siap pada Jun 2016.

Sekolah yang dikhususkan bagi para pelajar lelaki ini dapat menampung seramai 2,000 pelajar serta dilengkapi dengan kemudahan bilik-bilik darjah dan guru, makmal sains, makmal komputer, makmal bahasa, mini studio, dewan utama, kafeteria, kemudahan bersukan, perpustakaan, asrama dan lain-lain lagi kemudahan.



Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Plak Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Rimba

BERANGKAT MENYEMPURNAKAN
PELETAKAN BATU ASAS SEKOLAH ARAB KATOK

Oleh :Azizah Hidup

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dijunjung menandatangani plak Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Katok.

BANDAR SERI BEGAWAN – Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Katok.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di tapak Projek Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Katok, dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan selepas itu disusuli dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Acara diteruskan dengan persembahan tayangan video mengenai Projek Pembinaan Sekolah Arab Katok. Pada majlis itu, Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung bagi menyempurnakan penuangan simen.

Yang Teramat Mulia dijunjung menyempurnakan penuangan simen.

Untuk memohon keberkatan dan syafaat pada majlis itu, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menandatangani Plak Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Katok sebelum dijunjung untuk menyaksikan pameran.

Pembinaan sekolah yang dianggarkan menelan belanja BND46.8 juta boleh menampung seramai 1,800 pelajar perempuan sahaja dan projek besar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Untuk membangunkan binaan di tapak yang memanjang dan sempit berdasarkan kehendak keperluan asas klien telah menjuruskan perancangan seni reka binaan berbentuk bulat pada binaan utama akademik untuk pentadbiran sekolah, bilik guru dan kemudahan mengajar secara menegak iaitu setinggi tujuh tingkat. Bentuk geometri dan ukiran yang digunakan walaupun ianya juga popular di kebanyakan budaya lain akan tetapi di dalam kebudayaan seni reka bentuk dan corak Islam membawa maksud yang tertentu terhadap kepercayaan kepada kehidupan beragama, corak geometri juga membawa unsur logik dan peraturan.

Dengan tujuan menjadikan Bangunan Utama Akademik sebagai pusat bagi seluruh pembangunan Sekolah Menengah Ugama Katok, bentuk bulatan telah dipilih untuk mengaitkan dengan reka bentuk konsep awal.

Selain itu, Melayu Islam Beraja (MIB) juga diterapkan sejak perancang awal bermula dari seni reka konsep yang mengarahkan kesemua bangunan menghadap ke arah kiblat dan unsur seni bina Islam seperti unsur taman dan unsur air, kubah, gerbang dan corak geometrik telah digunakan secara menyeluruh di dalam seni bina sekolah ini.

Bersifat Amanah

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah an-Nisaa' ayat 58:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن
تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا ٥٨

Tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhanNya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

Sifat amanah adalah salah satu sifat orang bertaqwa. Amanah bermaksud melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, boleh dipercayai, jujur dan ikhlas. Dalam erti kata lain, seseorang itu boleh melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya tanpa melakukan sebarang unsur-unsur penyelewengan dan tipu helah.

Setiap umat Islam dianjurkan berpegang teguh dengan kemuliaan sifat amanah hinggakan terhadap orang yang mengkhianatinya sekalipun kita dinasihatkan supaya tidak bertindak balas dengan cara khianat. Tegasnya sifat amanah adalah menjadi tunggak kepada kemuliaan akhlak umat Islam.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan cermin kehidupan seseorang muslim. Di antara akhlak mulia baginda ialah bersifat amanah. Baginda adalah contoh yang terbaik dalam menunaikan amanah. Semasa remaja dan sebelum menjadi rasul, baginda telah digelar *'al-amin'* (orang yang amanah).

Oleh itu, sentiasalah kita bersifat amanah kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa dan agama. Tunaikanlah semua tugas sama ada besar ataupun kecil dengan amanah, semuanya akan dinilai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan semoga kita akan ditempatkan di akhirat nanti bersama-sama para Nabi dan Rasul serta orang-orang yang salih kerana dapat melaksanakan amanah ketika hidup di dunia ini.

Pengagihan Zakat Memerlukan Penelitian dan Penilaian Rapi

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN – Jabatan Majlis Ugama Islam sentiasa berhadapan dengan cabaran dalam pengurusan zakat. Sering terdengar keluhan, sungutan, rungutan segelintir orang juga suara-suara menyatakan sukar memohon wang zakat dan kelambatan pengeluaran wang zakat. Sebenarnya pengagihan wang zakat bukanlah satu kerja mudah, ini kerana ianya adalah satu amanah dari Allah.

"Sememangnya Jabatan Majlis Ugama Islam merupakan sebuah institusi yang diamanahkan untuk mengurus kutipan dan agihan zakat di negara ini kerana ia menjadi tumpuan utama orang ramai terutamanya golongan fakir miskin dan susah yang beragama Islam".

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Perjumpaan Muzakarah di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie pada 3 Rabiulakhir 1436 bersamaan 24 Januari 2015.

Oleh kerana itu, jelas Yang Berhormat, pengagihan zakat memerlukan penelitian dan penilaian rapi dalam pelbagai aspek melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan, selain bakal penerima zakat adalah perlu menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh syara' dan permohonan yang tidak menepati kriteria terpaksa ditolak.

Jelas Yang Berhormat lagi, sememangnya agihan wang zakat sedikit sebanyak berupaya mengurangkan bebanan hidup yang ditanggung oleh golongan asnaf, namun agihan itu tidak menjadikan mereka khasnya fakir miskin berubah menjadi kaya raya, tetapi dikirakan cukup untuk menampung belanja kehidupan mereka seharian.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menasihatkan golongan fakir miskin supaya tidak merasa kecewa, sedih atau kesal dengan taraf hidup sedemikian bahkan cabaran mestilah ditempuhi untuk memperbaiki taraf hidup dari semasa ke semasa dan tidak bergantung sepenuhnya kepada zakat yang diterima serta perlu ada usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup diri sendiri.

Oleh itu, tegas Yang Berhormat, zakat adalah pemangkin untuk meningkatkan kualiti diri bukan untuk bergantung selamanya kepada zakat melainkan bagi golongan dhaif dan uzur kerana usia lanjut atau penyakit yang sukar sembuh dan sebab-sebab yang digariskan oleh agama.

Selain isu agihan zakat, pensijilan halal yang berkait rapat secara langsung dengan kepentingan masyarakat Islam dan hukum syara' juga menjadi isu utama di majlis tersebut.

Yang Berhormat menyatakan Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat teliti dan berhati-hati dalam pengurusan dan kualiti mengenai pemakanan halal yang ada kaitannya dengan pensijilan halal.

Untuk menjaga kualiti dan standard Halal Brunei maka setiap perincian makanan wajiblah benar-benar memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh syara', tegas Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat lagi, "Proses pensijilan halal di negara ini bukanlah untuk merumitkan mana-mana pihak yang berkenaan, tetapi sebaliknya bertujuan menjamin keselamatan pemakanan serta barang gunaan yang dijual di negara ini terkawal halal dan baik.

Justeru itu, Sijil Halal dan Logo Halal Brunei memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk itu adalah halal mengikut syara' dan tidak menimbulkan perasaan was-was yang sering menghantui pengguna.

Turut hadir pada perjumpaan tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Perjumpaan antara lain bertujuan untuk mendapatkan 'input' bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta bertukar-tukar pendapat bagaimana untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang cemerlang, di samping mengeratkan hubungan silaturrahim di antara kedua-dua belah pihak.

Selain itu, perjumpaan ini juga dihasratkan sebagai 'platform' untuk mendengar cadangan dan bertukar-tukar pendapat bagaimana untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di kesemua jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebahagian dari Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara yang hadir di Majlis Perjumpaan Muzakarah di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

(Sambungan dari muka surat 20)

اتورچارا مجليس دتروسكن دڠن سمبه الو-الوان اوليه فڠروسي برسام مجليس فرهيمفونن خاص وانيتا باڬي تاهون 1436 هجره، رئيس كوليج اونيبرسيتي فركوروان أڬام سري بڬاون، دكتور حاجه مسنون بنت حاج ابراهيم.

كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بڬدا راج استري سرت أهلي٢ قرابة دراج بركن متريا جونجوڠ زياره أهلي٢ جوانتكواس ترتيڠكي مجليس سجوروس كبراڠكن دڤوسة فوسيداڠن انتارا بڠسا براكس.

مجليس دسريكن دڠن چرامه خاص يڠ برتاجوق دان برتيماكن 'وانيتا صالحة فليتا اومه' دسمفايكن اوليه فڠاره فوسة فڠاجين لفسن اجازه دان فيليديقن، اونيبرسيتي إسلام سلطان شريف علي، دكتور دايڠ حاجه رسينه بنت حاج أهيم.

ستروسڽ مجليس دسريكن دڠن فرسمبهن فينتومين اوليه كومفولن فينتومين كوليج اونيبرسيتي فركوروان أڬام سري بڬاون، دايكوتي دڠن فرسمبهن ديكير مرحاباً يڠ دباواكن اوليه كابوڠن فكاوي دان كاكيتاڠن فرمفوان كمنترين كواڠن دان مجليس وانيتا نكارا بروني دارالسلام.

باڬي ممبركتي مجليس، دعاء سلامت دباچكن اوليه فڠاره فوسة بهاس كوليج اونيبرسيتي فركوروان أڬام سري بڬاون، فڠيران دكتور حاجه سلميه بنت فڠيران حاج شهبودين.

مجليس فرهيمفونن خاص وانيتا فد تاهون اين مروفاكن كالي يڠ ك-21 دأداكن سجق اي مولا داوڠكايهكن فد تاهون 1995 دان دالم تيمفوه ترسبوت، سموا كمنترين كراجأن تله توروت سرت مڠنداليكن فرجالنن مجليس سأومفما اين، دان فد تاهون اين سمبوتن دكدالیكن اوليه كمنترين حال إحوال أڬام دڠن كرجسام كمنترين كواڠن دان توروت دجاياكن اوليه مجليس وانيتا نكارا بروني دارالسلام.

تيما سمبوتن مجليس فرهيمفونن خاص وانيتا سمفنا سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نكارا باڬي تاهون 1436 هجره اياله 'وانيتا صالحة فليتا اومه'.

چرامه خاص دسمفايكن اوليه دكتور دايڠ حاجه رسينه بنت حاج أهيم.

MAJLIS PENUTUP DIKIR MAULUD

Oleh: Haji Saini Haji Metussin

BANDAR SERI BEGAWAN – Majlis Dikir Syarafil Anam bagi menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan di bawahnya sejak 1 Rabiulawal 1436 bersamaan 22 Disember 2015 yang lalu berakhir dengan Majlis Penutup di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong pada 11 Rabiulawal 1436 bersamaan 2 Januari 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan diikuti dengan persembahan Dikir Syarafil Anam oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan membawakan Dikir 'Assalamualaika'. Dikir 'Khairuman' dibawakan oleh gabungan Pasukan Dikir Pengajian Islam, Pusat Da'wah Islamiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah dan Pasukan Dikir Pertubuhan ZAIDANA.

Sementara itu persembahan Dikir 'Badat Lana' dibawakan oleh pegawai-pegawai dan guru-guru ugama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Persembahan Dikir 'Asyraqal' pula dibawakan oleh Pasukan Dikir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa hadir pada Majlis Penutup berkenaan.

Bagi memohon keberkatan, Doa Dikir dibacakan oleh Mudim Awang Haji Abdul Latif bin Haji Saman, sementara Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat. Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yussof, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para Jemaah dan penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

Majlis selama 12 malam berturut-turut diadakan di beberapa buah masjid di seluruh negara antara lain bertujuan sebagai salah satu syi'ar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.

FORUM PELAJAR SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Oleh: Nor Zuriana Haji Azman / Malai

BANDAR SERI BEGAWAN – Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Forum Pelajar Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna Kolej berkenaan pada 16 Rabiulawal 1436 bersamaan 7 Januari 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim. Antara aturcara majlis berkenaan ialah ucapan Pengerusi Majlis, Awang Haji Manan bin Haji Osman yang mana telah menjelaskan tentang tujuan forum tersebut diadakan iaitu bagi menghayati dan mencintai Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai uswah hasanah sepanjang masa, di samping meningkatkan semangat bermasyarakat dan bersatu padu.

Forum tersebut disampaikan oleh empat orang pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar ijazah sarjana muda tahun satu dan dua dengan tajuk 'Rasulullah Qudwah Sepanjang Zaman'.

Majlis turut diserikan dengan persembahan puisi dalam bahasa Arab dan terjemahannya yang bertajuk 'Maulidur Rasul Di Bumi Darussalam' yang masing-masing disampaikan oleh Awang Abd. Najib Sazwan bin Syahrani dan Awang Haji Jaya bin Haji Metussin.

ADAKAN SEMBAHYANG SUNAT HAJAT MOHON PERLINDUNGAN ALLAH

Oleh: Dahlan Chuchu

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama para jemaah semasa menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjamaah.

BANDAR SERI BEGAWAN – Bagi memohon keselamatan dan perlindungan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bagi Negara Brunei Darussalam daripada segala bencana dan musibah banjir, tanah susur dan hujan lebat, umat Islam di negara ini telah mengadakan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah di masjid-masjid, surau-suaru dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada 6 Rabiulakhir 1436 bersamaan 26 Januari 2015

Tumpuan Sembahyang Sunat Hajat dan membaca doa diadakan di Jame''Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim, disusuli kemudiannya dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz dan seterusnya membacakan doa memohon ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk keselamatan dan perlindungan bagi Negara Brunei Darussalam daripada segala bencana dan musibah banjir, tanah susur dan hujan lebat dengan izin Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU serta pegawai-pegawai kanan KHEU.



PENYERAHAN SIJIL PEMBINAAN RUMAH BANTUAN GOLONGAN DHAIF, FAKIR & MISKIN

Oleh: Suriati Haji Ali Hussin

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, semasa menyerahkan Sijil Pembinaan Rumah Bantuan kepada Maimun binti Bakar.

TUTONG – Satu Majlis Penyerahan Sijil Pembinaan Rumah Bantuan Golongan Dhaif, Fakir dan Miskin kepada dua orang penerima yang diadakan secara berasingan, masing-masing di Kampong Menengah dan Bukit Sulang. Majlis berlangsung pada 3 Rabiulakhir 1436 bersamaan 24 Januari 2015.

Sijil pembinaan rumah bantuan tersebut mula-mula diserahkan kepada Dayang Sayah binti Aman yang menerima rumah jenis Banglo tiga bilik di No. 405 kampung tersebut, diikuti oleh Dayang Maimun binti Bakar yang menerima rumah jenis Betiang tiga bilik di No. 497, juga di kampung berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian bantuan asasi kepada kedua-dua penerima tersebut daripada wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Projek pembinaan rumah-rumah berkenaan merupakan Bantuan Perumahan yang diungkayahkan di bawah satu jawatankuasa yang diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan. Pembinaan bagi kedua-dua buah rumah ini dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Kumpulan Wang Zakat.

Inisiatif bantuan perumahan ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan masyarakat yang memerlukan bantuan bagi memberikan kehidupan yang lebih selesa dan sempurna kepada para penerima bantuan dan ahli-ahli keluarga mereka.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Tajaah, Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai, pegawai-pegawai kanan daripada kementerian-kementerian yang terlibat, penghulu dan ketua kampung, ahl-ahli Jawatankuasa Bantuan Perumahan Golongan Dhaif, Fakir dan Miskin, ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong Menengah dan Bukit Sulang serta ahli keluarga penerima-penerima bantuan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, semasa menyerahkan Sijil Pembinaan Rumah Bantuan kepada Dayang Sayah binti Aman.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menerima kunjungan hormat dari Presiden Kanan Mahkamah Syariah Republik Singapura, Yang Amat Arif Haji Mohammad bin Haji Rais.

Oleh: Suriati Haji Ali Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN – Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menerima kunjungan hormat dari Presiden Kanan Mahkamah Syariah Republik Singapura berserta rombongan. Majlis berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 22 Rabiulawal 1436 bersamaan 13 Januari 2015.

Kunjungan dan perjumpaan tersebut antara lain membincangkan dan bertukar pendapat mengenai perkembangan agama Islam di antara kedua buah negara. Selain dari itu, ianya adalah bertujuan bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PERTANDINGAN DIKIR SYARAFIL ANAM

Oleh: Zunnur Amni Awg. Damit

BANDAR SERI BEGAWAN – Kumpulan Dikir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar muncul juara pada pertandingan Dikir Syarafil Anam anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Salambigar dan Guru-Guru Al-Qur'an dan Muqaddam Bagi Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi. Naib juara disandang oleh Kumpulan Dikir Masjid Kampong Salambigar sementara tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Dikir Surau Pusat Kegiatan Warga Emas.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Majlis berlangsung di Masjid Kampong Salambigar, Mukim Berakas 'B' pada 29 Rabiulawal 1436 bersamaan 20 Januari 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Sebanyak tujuh kumpulan Dikir menyertai pertandingan yang bertemakan "Mencintai Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*" itu.

Antara tujuan pertandingan itu diadakan adalah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, di samping memeriahkan dan memberigakan sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Selain dari itu adalah bertujuan untuk memupuk sikap berdaya saing yang positif dalam kalangan peserta pertandingan serta merapatkan hubungan *silaturrahim* sesama jemaah.

PESERTA PROPAZ TERIMA SIJIL

Oleh: Haji Saini Haji Metussin

BANDAR SERI BEGAWAN – Seramai 22 peserta telah berjaya menamatkan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) ke-7 Sesi 2013/2014. Sehubungan dengan itu, satu Majlis Penyampaian Sijil berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 7 Rabiulakhir 1436 bersamaan 28 Januari 2015.

Penyampaian sijil tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof.

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam (MUIB) Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain menjelaskan, program PROPAZ bagi pengambilan kelapan akan bermula pada bulan Mei 2015. Bagi pelaksanaan sesi kelapan itu, format latihan akan diselaraskan di mana tempoh kursus masih kekal selama sembilan bulan, hanya pertambahan tempoh latihan kemahiran dan bimbingan di Pusat Pembangunan Belia (PPB) menjadi enam bulan, manakala tempoh latihan penempatan kerja di syarikat-syarikat swasta hanya tiga bulan sahaja.

Beliau menambah, sebagai memberikan peluang dan kemudahan untuk usahawan-usahawan PROPAZ, Koperasi Pengupayaan KHEU Berhad telah ditubuhkan di mana tujuan utama penubuhan koperasi tersebut adalah untuk menjadi platform kepada mereka sama ada menjadi pekerja koperasi atau sebagai rakan strategik bagi memasarkan produk-produk yang dihasilkan.

Setiausaha Tetap kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ).

Pada majlis itu, seramai empat orang peserta turut menerima cenderahati atas pencapaian mereka sepanjang program dijalankan.

Bagi Kategori Iltizam diberikan kepada Dayang Nurul Izzah binti Mohd. Yassini; Peserta Berdisiplin pula diraih oleh Dayang Zainatul Dewi Hakimah binti Mohd. Yassin, manakala Dayangku Nor Izatul Aqilah binti Pengiran Ahmad Pedilah dipilih sebagai Peserta Gigih dan Peserta Terbaik Keseluruhan ialah Dayang Siti Amalina binti Md. Said.

Penyampaian sijil kepada Rakan Strategik PROPAZ yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta juga turut disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Penerima sijil PROPAZ telah mengikuti dan menamatkan program dalam tiga bidang yang berjalan selama sembilan bulan yang mana lapan daripadanya mengikuti Kursus Asas Kemahiran Teknologi dan Komunikasi, lima orang mengikuti Kursus Asas Kemahiran Seni Kulinari dan Bankuet & Pastri dan Konfektionari, manakala lapan orang lagi mengikuti Kursus Asas Kemahiran Teknikal dan seorang dari Kursus Kemahiran Terapi Kecantikan. Program dijalankan dalam dua fasa iaitu fasa pertama ialah fasa bimbingan dan latihan kemahiran di dalam PPB yang berjalan selama tiga bulan dan fasa kedua ialah penempatan kerja di syarikat-syarikat swasta selama enam bulan.

Dalam fasa pertama, Urus Setia PROPAZ menyelaras dan bersama mengendalikan kemasukan peserta ke dalam PPB di mana peserta-peserta mengikuti kursus-kursus dan latihan kemahiran yang dijalankan di pusat tersebut yang mana meliputi pembelajaran dalam kelas dan latihan yang terkawal.

Sementara fasa kedua adalah kesinambungan dalam kursus dan latihan serta bertindak sebagai perantaraan dari alam pekerjaan. Fasa ini adalah fasa penempatan kerja yang mana peserta-peserta program ditempatkan di syarikat-syarikat swasta yang telah lebih awal dikordinasikan oleh Urus Setia PROPAZ.
Dalam fasa ini, peserta-peserta berhadapan dengan cabaran-cabaran mengenai kehidupan dan etika dalam pekerjaan. Fasa ini juga membuka ruang untuk para peserta melatih dan mendisiplin diri dan seterusnya bertindak sebagai ruang memikat majikan untuk mendapatkan tawaran-tawaran pekerjaan bagi peserta-peserta yang mampu menonjolkan prestasi yang baik.

Jika sekiranya tidak mendapat peluang tawaran pekerjaan di dalam syarikat penempatan kerja, maka latihan penempatan kerja ini membuka ruang untuk peserta meraih pengalaman dalam pekerjaan yang boleh digunakan sebagai landasan dalam melamar pekerjaan di masa akan datang.

Setakat ini, sebanyak 54 peratus telah mendapat tawaran bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Keseluruhan program ini adalah dibiayai oleh MUIB melalui Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin yang meliputi kos kursus-kursus dari latihan kamahiran di PPB berserta elaun-elaun dan juga elaun-elaun semasa menjalani penempatan kerja.

Program-program yang dijalankan oleh Urus Setia PROPAZ ini adalah salah satu usaha berterusan di bawah naungan KHEU melalui jalan yang lebih inovatif dalam kaedah membanteras kemiskinan.

AKHLAQ (Character/Ethics)

Oleh: Sharifah Khadijah Hussein Alkaff

In Surah al-Qalam:4 *Allah Subhanahu wa Ta'ala* says of Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*: "Assuredly, thou art of a tremendous character and the Prophet *Shallallahu 'alaihi wasallam* himself has said: I was sent only to perfect the noble qualities of character. And he had said: The heaviest things to be placed in the Scales shall be the fear of God and good character.

Introduction

Man has a physical body and a soul. The science that deals with the health and the maladies of the body is the science of medicine while the science that deals with the health and the maladies of the soul is the science of ethics/character *('ilm al-akhlaq)*. A soul that is liberated from the prison of lust and greed, and all other fetters, is closer to perfection and draws nearer to God.

Akhlaq is not the same as action or ability, since action and ability can be motivated by other than the true character traits of a person, rather it is a term for the condition and inner aspect of the soul.

In Ihya 'Ulumiddin, Imam Ghazali says: Good *akhlaq* is half of religion, fruit of the efforts of God-fearing men and an important quality of the worshippers of God. Bad *akhlaq* is a ruinous poison; a much condemned evil. There are many doors of bad *akhlaq* which remain open to the fire of Hell as the doors of good *akhlaq* are open towards the bliss of Paradise. Bad *akhlaq* is a disease of the soul, which ruins the everlasting life. If efforts are necessary to save the temporary body from physical diseases, how much more effort should be exerted to save the soul from its diseases, the consequences of which will be everlasting? Of the treatment of the soul Allah *Subhanahu wa Ta'ala* says in Ash-Shams (9-10): He will indeed be successful who purifies it, And he will indeed fail who corrupts it.

Importance of *Akhlaq*

He who loves anything more than God has got his soul diseased and there is no salvation for a diseased soul except through good deeds and good deeds cannot be achieved without good *akhlaq* for *akhlaq*, and all that constitutes *akhlaq*, form the source of all 'ibadah.

The Silent Endurance of Hasan Al-Basri

Once Hasan al-Basri fell ill and his non-Muslim neighbour visited him. "O Imam," he exclaimed, "Something smells bad." Al-Basri told him it was caused by the illness but the neighbour insisted: "It is not the smell of sickness, it is the smell of a toilet. For the love of Allah, tell me what it is!" The neighbour did not realise that sewage from his house was leaking into the Hasan al-Basri's house. When the neighbour pressed him, al-Basri finally said: "For some months your drain has been seeping through to our side. I tried to fix it but I couldn't." His neighbour asked why he had not told him before, but the noble Imam said: "I might have offended you." The neighbour was so impressed by this fine and noble *akhlaq* of a true Muslim that he embraced Islam.

Definition of *Akhlaq*

The word *akhlaq* is the plural for the word *khulq*, which means disposition, ethics, character or conduct. *Akhlaq* is that faculty of the soul which is the source of all those activities that man performs spontaneously without thinking about them.

What is Good *Akhlaq*?

A man asked the Prophet *Shallallahu 'alaihi wasallam* about good *akhlaq* and he recited the following verse: *Show forgiveness, enjoin what is good and turn away from the foolish.* (Al-A'raaf:199).

The Prophet *Shallallahu 'alaihi wasallam* then explained good *akhlaq:* Good *akhlaq* is to join the tie of relationship with one who cuts it off and pardon one who oppresses you.

Husn al-khuluq (goodness of character) is both a condition and a product of the religious life and refining the character is one method of self-discipline. Dhu'l-Nun was asked which man has the fewest cares in this world and he replied, "The one with the best *akhlaq*." For good *akhlaq* is to endure harm, seeing that harm ultimately comes from God through miscreants, misfortunes, etc. In meeting the vicissitudes of life with equanimity and kindness, a man attains ridha (contentment with Allah's decree). To know God is to have an *infinite capacity to endure the wickedness of men*. If we are tolerant of bad behaviour from others and continue to treat them with kindness and respect, with Allah's Grace and Permission our good *akhlaq* may influence them to change.

The Gang Members

Once brother Mahmud and a group of Muslims visited a city in the west to invite others to Allah. They passed by a group of youths who were Muslims by birth but had become unruly gang members prone to violence. Instead of turning away from them, Mahmud and his group went to shake their hands in a spirit of Muslim brotherhood, showing them much love and affection. They also invited the gang to the *Mosque*. Surprised by such warmth and kindness, the gang members decided to accept the invitation and check the *Mosque* out. These youths were so much away from Islam that they were smoking in the *Mosque* and doing a lot of other disrespectful acts. However, Mahmud and the others ignored their behaviour and talked to them about the Greatness of Allah with patience and endurance. Finally, when the time came for Mahmud and the Muslim brothers to leave, they sincerely advised the gang members to turn to Allah.

Several years later brother Mahmud was attending a large gathering of Muslims when suddenly he heard someone calling him. He turned around and saw a few people dressed Islamically standing behind him. They asked Mahmud if he recognized them. "We were the gang members you visited a few years back" they said. "We decided to go out and learn more about Islam and eventually changed our lives."

There are four basic qualities of good *akhlaq*: knowledge, bravery, patience and power of judgement. Nobody is blessed with all these qualities except the Prophet *Shallallahu 'alaihi wasallam* who was sent to complete good *akhlaq* and good manners.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱدۡخُلُواْ فِي ٱلسِّلۡمِ كَآفَّةٗ وَلَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٞ ٢٠٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam agama Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu adalah musuh yang nyata."

(Surah al-Baqarah: 208)

Antara Majlis Pengislaman di bulan Januari 2015

ZUBAIR BIN AWWAM *RADHIALLAHU 'ANHU*

- Zubair bin Awwam *Radhiallahu 'anhu* merupakan antara sepuluh sahabat yang dijamin masuk syurga.
- Beliau dilahirkan pada tahun 28 hijrah dan memeluk agama Islam ketika berumur 15 tahun
- Semasa memeluk Islam, beliau pernah diseksa oleh bapa saudaranya Naufil dengan membalut badannya dengan tikar di mana kakinya digantung di atas dan di bawah kepalanya api yang membara dengan tujuan supaya beliau kembali menyembah berhala, tetapi walaupun diseksa berkali-kali, Zubair tetap berpegang kepada agama Allah.
- Zubair ikut berhijrah ke Habsyah sebanyak dua kali, Hijrah pertama dipimpin oleh Utsman bin 'Affan, manakala hijrah kedua diketuai oleh Ja'far bin Abu Thalib yang dikenali dengan 'Zul Janahain' (orang yang mempunyai dua sayap).
- Beliau adalah seorang pejuang Islam yang hebat dan berani serta paling cekap dalam menunggang kuda.
- Ketika Perang Uhud selesai dan pasukan Quraisy kembali ke Mekah, Zubair dan Abu Bakar diperintahkan memimpin seramai 70 tentera Islam untuk mengejar pasukan tersebut bagi tujuan supaya mereka menyangka kaum muslimin masih memilki pasukan yang bertenaga dan bersedia memulakan peperangan baru.
- Ketika Perang Yarmuk tercetus, Zubair termasuk salah seorang perajurit kaum muslimin yang memimpin sebuah pasukan. Kelebihannya sebagai panglima perang tergambar pada dirinya dengan sempurna sekalipun 100,000 orang menyertainya di medan perang, namun beliau berperang seakan-akan bersendirian dan ini seolah-olah segala tanggungjawab kemenangan berada di atas bahunya sahaja.
- Semasa terjadi Perang Hunain, Zubair melihat pimpinan musuh iaitu Malik bin 'Auf ingin melarikan diri dan pada masa itu pasukan di bawah pimpinannya dalam keadaan terdesak. Beliau terus menyerbu pasukan musuh dan membuat pihak lawan kucar kacir.
- Kecintaan dan penghargaan Rasulullah kepada Zubair sangat luar biasa dan baginda pernah bersabda: *"Setiap nabi mempunyai pembela dan pembela aku adalah Zubair bin Al-Awwam."*
- Hasan bin Tsabit menggambarkan sifat-sifat Zubair sebagai seorang yang berdiri teguh menepati janji kepada Rasulullah dan mengikuti petunjuknya dan menjadi pembela baginda. Perbuatannya sesuai dengan perkataannya, dia menempuh jalan yang tidak pernah menyimpang, dia bertindak membela kebenaran kerana kebenaran itu jalan sebaik-baiknya.
- Ketika terjadi Perang Jamal iaitu antara pasukan yang dipimpin oleh Aishah dengan pasukan Ali bin Abi Thalib, Zubair bertemu dengan Ali dan menyatakan dirinya tidak lagi memihak kepadanya dan akan berusaha mendamaikan kedua pasukan itu.
- Selepas peristiwa itu, Amr ibn Jarmouz salah seorang peyokong Ali bin Abi Thalib telah menikam Zubair dengan pedang dari belakang ketika beliau sedang mendirikan sembahyang.

Menguji Minda

bagi bulan Januari 2015

SOALAN:

1. Nama lain bagi Malaikat Jibril.
2. Dinding yang membatasi antara dua keadaan iaitu antara alam dunia dan alam akhirat.
3. Timbangan amal baik dan amal buruk setiap manusia.
4. Jambatan terentang di atas api neraka menuju ke syurga.
5. Telaga Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang terdapat di tepi Shirath.
6. Syurga yang dijadikan daripada yaqut yang merah.
7. Neraka yang menempatkan kaum Yahudi.

JAWAPAN Menguji Minda

bagi bulan Disember 2014

1. AL KHAUF
2. WAHDANIAH
3. MIKAIL
4. NASUHA
5. UHUD
6. BURAQ
7. SULAIMAN
8. HARUS
9. MINA
10. SAFA'

I	T	A	H	A	J	J	U	D	H	S	H	U	S	E
K	B	U	R	A	Q	A	A	T	A	U	T	L	A	Q
A	I	I	J	M	U	H	U	A	R	A	N	A	M	A
L	S	Z	M	W	W	S	B	I	U	D	U	L	M	R
M	T	N	I	E	A	A	X	A	S	A	A	K	A	V
I	I	S	N	S	R	F	H	N	R	I	A	H	K	M
K	S	H	A	A	D	A	A	J	A	S	F	A	T	U
A	Q	I	I	R	A	'	T	'	Z	T	A	U	A	R
I	A	R	K	W	I	H	R	D	U	I	L	F	U	I
L	'	D	A	R	M	N	A	S	U	H	A	N	B	U
I	S	I	R	A	I	T	H	K	D	H	U	H	A	H
Y	I	Q	W	A	H	D	A	N	I	A	H	J	T	U
A	R	V	N	Y	U	A	R	C	A	R	U	G	Y	D
T	A	H	I	Y	A	T	U	L	M	A	S	J	I	Q
M	S	U	L	A	I	M	A	N	I	H	A	N	U	T

NAMA NAMA INDAH نام ٢ إينده

NAMA ANAK LELAKI

ADIB MUSTAQIM

أديب مستقيم

Yang Bersopan Santun, Yang Lurus

Polite / Courteous, Honest

'AFIF FAUZAN

عفيف فوزان

Yang Menjaga Kehormatan Diri, Kejayaan

Virtous, Success

AFNAN HASIF

أفنان حصيف

Kesenian / Ilmu, Yang Bijaksana

Artistic / Knowledgeable, Intelligent

NAMA ANAK PEREMPUAN

ADIBAH AFIQAH

أديبه أفيقه

Yang Bersopan Santun, Yang Pemurah

Polite, Generous Person

'ALYA 'AZIYAH

علياء عزيه

Ketinggian / Kemuliaan, Yang Sabar

Advancement / Grandeur, Most Patient

AMIRAH MARDHIYAH

أميره مرضيه

Pemimpin / Puteri, Yang Diredhai

Leader / Princess, Loved / Blessed

(Sambungan dari muka surat 1)

دسفنجڠ زمان باڬي
مڠنڠ سئورڠ نبي دان
رسول دان فيلامت
ڬهد دنيا دان اومت
مأنسي.

"الله سبحانه وتعالى
ميڤنتكن بكندا
سباڬي رحمة باڬي
سلوروه عالم، سام أدا
عالم ايت ترديري درفد
مأنسي اتو حيوان اتو
فلورا دان فونا اتو
مخلوق يڠ تيدق
كليهتن اتو تومبوهن٢ ،
سموان ايت سام٢
مندافت رحمة دڠن
كلاهيرن بكندا كعالم
ماي اين،" تيته
بكندا.

كباوه دولي يڠمها مليا
برتيته دمكين سمفنا
سمبوتن مولود نبي محمد
صلى الله عليه وسلم
تاهون 1436 هجره /
2015 مسيحي
دإستانا نور الأيمان فد
12 ربيع الأول 1436
برسمأن 2 جنواري
2015.

كباوه دولي يڠمها مليا
ستروسن برتيته،
سباڬي تندا كيت
برشكور ڬهد الله
دأتس كورنياڽ
منداتڠكن رحمة،
بكندا منكنكن
سواجرن رحمة ايت
كيت تاتڠ، كيت
حرمتي دان چينتاءي
دڠن سفنوه جيوا دان
راڬا كيت.

"چاراڽ، بوكله دڠن
منديوا–ديواكنڽ اتو
منديريكن لمبڠ٢
كنڠن اتوقڽ. تاڤي
تندا برشكور سجاتي
اياله دڠن مڠيكوت
سكل سنة يڠ دأجركن
اوليه فمباوا رحمة
اين. كيت جوڬ
دتونتوت انتوق
منچينتاءي بكندا دان
ساله ساتو تندا موده
منچينتاءي اين اياله
دڠن ممباڤكن صلوات
كأتس بكندا،" تيته
بكندا.

منوروت بكندا لاڬي،
"صلوات اين سوڠڬوه
فون موده تاڤي كنجرنڽ
اداله لوماين كران
سكالي سهاج
برصلوات، الله اكن
ممبالس دڠن سفولوه
رحمة."



SEMBAHYANG WUDHU'

Sembahyang sunat Wudhu' ialah sembahyang sunat dua rakaat yang dilakukan selepas selesai mengambil air sembahyang (wudhu'). Waktunya akan berakhir sekiranya panjang selangnya daripada waktu ia selesai berwudhu'.

Hadits riwayat Imam Muslim dari 'Utsman bin 'Affan *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

Sesiapa berwudhu' kerana hendak sembahyang dan menyempurnakan pula cara-cara berwudhu' kemudian ia pergi menunaikan sembahyang lima waktu, lalu ia bersembahyang bersama orang ramai atau berjemaah atau di dalam masjid, Allah akan mengampunkan segala dosa-dosanya.

Lafaz niat sembahyang Wudhu'

أُصَلِّى سُنَّةَ الْوُضُوءِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى

Ertinya:
Sahaja aku sembahyang sunat Wudhu' dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

برکتن براڠکت کمجليس فرهيمفونن خاص وانيتا

اوليه: دحلان چوچو

بندر سري بكاون – كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا راج استري فڠيران انق حاجه صاليحا بنت المرحوم فڠيران فمنچا فڠيران انق حاج محمد عالم برکتن براڠکت کمجليس فرهيمفونن خاص وانيتا سمفنا سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نكارا باكي تاهون 1436 هجره برتمفت دفوسة فرسيداڠن انتارابڠسا، براكس فد 23 ربيع الأول 1436 برسمأن 14 جنواري 2015.

كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا راج استري فڠيران انق حاجه صليحا سماس برکتن براڠکت کمجليس فرهيمفونن وانيتا سمفنا سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم تاهون 1436 هجريه / 2015 مسيحي.

كبراڠكتن كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا راج استري سرت قرابة دراج دجونجوڠ اوليه فڠروسي برسام مجليس فرهيمفونن خاص وانيتا سمفنا سمبوتن مولودنبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نكارا باكي تاهون 1436 هجره، رئيس كوليج اونيبرسيتي فركوروان أكام سري بكاون، دكتور حاجه مسنون بنت حاج ابراهيم دان أهلي٢ جواتنكواس ترتيڠكي مجليس.

براڠكت سام يڠترأمت مليا فادك سري فڠيران انق استري فڠيران انق ساره بنت فڠيران حاج صاليح عب رحمن، يڠ أمت مليا فڠيران بيني حاجه فائزه، يڠترأمت مليا فادك سري فڠيران انق فتري حاجه رشيده سعدة البلقيه، يڠترأمت مليا فادك سري فڠيران انق فتري حاجه مجيده نورالبلقيه، يڠترأمت مليا فادك سري فڠيران انق فتري حاجه مسنا دان يڠترأمت مليا فادك سري فڠيران انق فتري حاجه أمل أم كلثوم الإسلام.

اتورچارا مجليس دمولاكن دڠن بچأن أية٢ سوچي القرءان اوليه جوهن مسابقه تلاوه القرءان بهاكين اينستيتوت فڠاجين تيڠكي سرنتاو 2008، دايڠ أمال نظيره بنت حاج أسمت، سمنتارا كسيمفولن معناڠ دباچكن اوليه فكاوي فلاجرن، دري سكوله منڠه عرب لاكي٢ حسن البلقيه، دايڠ نوراينه بنت حاج جاكير.

(Bersambung ke muka surat 9)